

**SOALAN NO:43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**

**TARIKH: 23 NOVEMBER 2015**

**SOALAN:**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilakah Kerajaan boleh meminda Akta Kesatuan 1959 boleh dilaksanakan.**

**PR-1333-L70576**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan ini, pada masa sekarang Kementerian Sumber Manusia (KSM) sedang melaksanakan kajian semula secara menyeluruh (*holistic review*) ke atas undang-undang buruh utama negara termasuk Akta Kesatuan Sekerja 1959. Sesi libat urus bersama *stakeholders* telah pun diadakan mulai Mei tahun ini untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada pelbagai pihak secara menyeluruh. KSM masih sedang melaksanakan sesi libat urus ini.

2. Pelaksanaan kajian holistik ini akan memerlukan tempoh masa yang panjang kerana penambahbaikan undang-undang buruh akan mengambil kira pelbagai aspek. Ini termasuklah amalan dan standard antarabangsa seperti prinsip-prinsip kebebasan berpersatuan di bawah Konvensyen 87 (C87), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai hak-hak dan kebebasan berpersatuan dan juga amalan-amalan perburuhan dan perhubungan perusahaan di pelbagai negara.
3. Selain itu, undang-undang lain yang berkaitan pekerjaan juga akan disesuaikan dengan perubahan semasa dan digubal agar lebih komprehensif. Kajian ini juga akan melihat impak perkembangan pasaran buruh semasa yang lebih fleksibel seperti pewujudan kontrak perkhidmatan pekerjaan yang lebih dinamik.